

**UCAPAN
YANG BERHORMAT PUAN TERESA KOK
MENTERI INDUSTRI UTAMA**

**MAJLIS PERASMIAN
SESI LIBAT URUS INDUSTRI KOKO DAN DIALOG BERSAMA
YB MENTERI INDUSTRI UTAMA
HOTEL TENERA, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR
14 JANUARI 2019**

YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong
Ketua Setiausaha
Kementerian Industri Utama

Yang Berhormat Tuan Jonathan Yasin
Pengerusi Lembaga Pengelola LKM
Merangkap Ahli Parlimen Ranau

Yang Berbahagia Datin Norhaini Udin
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia

Ahli-ahli Lembaga Pengarah
Lembaga Koko Malaysia

Wakil-wakil Media

Tuan-tuan dan Puan-puan

Selamat Petang dan Salam Sejahtera

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) bagi jemputan dan sambutan yang diberikan serta peluang untuk merasmikan Sesi Libat Urus dan Dialog Industri Koko 2019 pada petang ini. Saya amat gembira kerana ini merupakan kali pertama saya berkesempatan untuk bertemu dan mengadakan dialog bersama penggiat industri koko sejak dilantik menjadi Menteri Industri Utama pada tahun lalu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Industri koko negara telah mengalami transformasinya yang tersendiri, bermula sebagai negara pengeluar biji koko utama dunia pada tahun 1990an, dan kemudiannya beralih menjadi negara pengisar biji koko utama dunia. Industri pengisaran biji koko kini merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan nilai tambah industri koko negara dan menyumbang hampir 80 peratus daripada jumlah pendapatan eksport koko Malaysia pada tahun 2018.

4. Aktiviti pengisaran tempatan bagi tempoh 2010–2018 telah berkembang pada kadar purata 7.6 peratus setahun dengan jumlah pengisaran pada tahun 2018 dianggarkan meningkat kepada 220,000 tan. Dengan pertumbuhan positif sektor pengisaran maka pendapatan eksport koko dan produk-produk koko dijangka akan mencapai sasaran RM 5.6 bilion pada tahun 2018.

5. Industri koko bukan sahaja telah mencapai prestasi yang memberangsangkan dari segi pemprosesan domestik tetapi juga dalam penguasaan pasaran. Malaysia telah berjaya menguasai lebih 50 peratus daripada syer pasaran dunia bagi lemak koko dan serbuk koko. Pasaran bagi produk-produk koko juga telah menembusi lebih 100 destinasi pasaran termasuk Eropah Timur dan Afrika Utara sebagai pasaran baharu di samping Eropah Barat dan Amerika Syarikat sebagai pasaran tradisional.

6. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pesat sektor pengisaran serta penguasaan pasaran produk-produk koko ini tidak disokong dengan pengeluaran biji koko kering. Kemerosotan pengeluaran biji koko kering semenjak dua dekad yang lalu menjadi halangan utama kepada pertumbuhan industri koko untuk berdaya tahan dan berdaya saing dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, satu kerangka dasar dan hala tuju strategi yang berkesan perlu dirangka bagi menangani isu pengeluaran dan bekalan biji koko kering supaya pencapaian industri koko sedia ada berupaya dipertahankan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saya difahamkan bahawa sesi libat urus bersama penggiat industri telah diadakan pada pagi tadi. Saya berharap semua pihak telah menyumbangkan idea dan pendapat bagi merangka dasar dan strategi yang berkesan ke arah memacu pertumbuhan serta melonjakkan pencapaian dan sumbangan industri koko pada keseluruhan rangkaian nilai. Model transformasi industri koko ini perlu meliputi elemen-elemen perubahan yang drastik yang bersifat *game changer* bagi menangani isu kemampanan (*sustainability*) industri ini. Ia juga perlu mengambil kira hubungan dan jalinan kerjasama strategik merentasi Kementerian, Jabatan dan agensi lain serta pihak swasta. Jalinan kerjasama sedemikian akan dapat mengoptimumkan penggunaan sumber ke arah pencapaian impak yang lebih berkesan dan memenuhi keperluan kumpulan sasar.

8. Antara *game changer* di peringkat hulu yang telah dirangka oleh LKM adalah Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko yang dilaksanakan mengikut konsep *Farm to Table* iaitu model *Beans to Chocolate*. Melalui pelaksanaan program ini, pengeluaran biji koko dan pendapatan pengusaha-pengusaha koko serta komuniti setempat dapat ditingkatkan.

9. Di sektor hiliran pula, bagi memastikan kesediaan bahan mentah yang mencukupi, cadangan penubuhan hab perdagangan koko di Malaysia akan bertindak sebagai *game changer* bagi memudah cara pengimportan biji koko. Hab perdagangan koko ini berupaya mewujudkan pertumbuhan pelaburan baharu dalam sektor pembuatan produk-produk koko khususnya coklat dan konfeksi koko. Sektor ini yang telah menyumbang sebanyak RM1.02 bilion kepada pendapatan eksport koko pada tahun 2018, adalah diunjurkan untuk terus berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 15 peratus bagi tempoh 2 tahun akan datang dan seterusnya mencapai nilai eksport sebanyak RM1.3 bilion pada tahun 2020.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. *Game changers* yang sedang dilaksanakan bagi menangani isu utama di kedua-dua sektor hulu dan hiliran tersebut dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan semula industri koko dan diyakini dapat memulihkan industri ini seterusnya membawa Malaysia ke era kegemilangan koko yang pernah dicapai dua dekad yang lalu.

11. Sehubungan itu, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan selaku pemegang taruh (*stakeholder* dalam industri ini untuk memberikan komitmen dan sokongan padu ke atas program dan aktiviti yang dirancang khusus untuk membangun dan memulihkan semula industri koko di Malaysia. Ini adalah bagi memastikan keseimbangan di antara kedua-dua sektor hulu dan hiliran dapat dicapai bagi mengekal dan mengukuhkan sumbangan sektor koko kepada pendapatan negara. Oleh itu, saya mengalu-alukan sumbangan idea, komen dan cadangan yang positif dan membina dari tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir ke sesi libat urus dan dialog pada petang. Diharap kerjasama dan sokongan ini akan berterusan pada masa hadapan. Yang pastinya 'Koko Malaysia – Khasiatnya Sejati, Lazatnya Menyegarkan'. Maka 'Cintai Coklat – Sayangi Koko'. Dengan ini sukacita saya merasmikan Sesi Libat Urus dan Dialog Industri Koko 2019.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA
14 JANUARI 2019